

Hayati prinsip Rukun Negara

Pupuk semangat cintakan negara dalam kalangan pelajar



14 TAHUN #KEKALNEUTRAL

Pengerusi Pertubuhan Pejuang Perlembagaan dan Rukun Negara, Datuk Abu Backer Sidek, menyeru semua pihak terutamanya sekolah supaya dapat menanamkan kecintaan kepada negara dalam kalangan pelajar sekolah.

Beliau berkata, rasa cinta kepada tanah air sangat penting bagi memastikan masyarakat berbilang kaum yang ada di negara ini dapat hidup dalam suasana harmoni dan saling menghormati antara satu sama lain.

“Penghayatan dan pemahaman terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara harus dilakukan dalam kalangan pelajar tanpa mengira jenis sekolah dan peringkat usia.

“Pelajar hari ini terdedah



Abu Backer Sidek (tengah, hadapan) bersama guru dan pelajar melafazkan bacaan ikrar Rukun Negara, di Sekolah Integerasi Masjid Darul Ehsan, Subang Jaya.

dengan pelbagai kemodenan terutamanya dari segi kecanggihan teknologi maklumat yang boleh membuatkan mereka leka dan lupa kepada keistimewaan yang ada pada bangsa mereka sendiri,” katanya selepas menghadiri Sambutan Hari Malaysia 2020 yang diadakan di Sekolah Integerasi Masjid Darul Ehsan, Subang Jaya baru-baru ini.

Tambahnya, ramai yang terlalu fanatik dengan budaya luar hingga tidak tahu asal usul Malaysia, apatah lagi untuk memahami apakah itu Rukun Negara.

“Justeru, pertubuhan kami sedang menggerakkan kempen ke arah penghayatan prinsip-prinsip Rukun Negara yang memberi tumpuan di peringkat sekolah, universiti awam dan swasta,” katanya.

Jelasnya, terpenggil menge-

nai perkara itu, pihaknya sedang mengatur pelbagai usaha dan juga program bagi menyemarakkan semangat cintakan Negara, selain memupuk keharmonian dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

“Kami sedang atur dan mengalu-alukan penyertaan syarikat-syarikat korporat di negara ini, untuk bersama-sama memartabatkan serta mengamalkan prinsip Rukun Negara dalam kehidupan seharian.

“Kami sangat serius dalam usaha ini, apatah lagi tidak ramai rakyat Malaysia yang tahu mengapa Rukun Negara itu diwujudkan dan apakah matlamat yang ingin dicapai menerusi lima prinsip digariskan itu,” katanya.

Sementara itu, sambutan

yang disertai hampir 1,000 murid sekolah rendah dan menengah dan 100 orang guru itu, turut dimeriahkan dengan pelbagai pengisian, antaranya persembahan nyanyian nasyid daripada kumpulan nasyid tersohor tanah air Hijjaz, dan juga program Bicara Santai ‘Rukun Negara Teras Keharmonian Malaysia’ yang melibatkan panel hebat seperti, bekas Naib Canselor Universiti Malaya dan bekas Ahli Dewan Negara Prof Datuk Dr Firdaus Abdullah, pendakwah bebas Datuk Mohd Zawawi Yusoh, dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat Malaysia Berhad, Datuk Abdul Manap Abd Wahab.

Dalam pada itu, turut diadakan penyampaian sajak bertemakan patriotik oleh Prof Datuk Dr Firdaus Abdullah.



Abu Backer Sidek (tengah) bersama murid mengibarkan jalur gemilang sempena Sambutan Hari Malaysia 2020.